

Hanya satu ada sijil bomba

Sebanyak 62 sekolah agama yang beroperasi di Negeri Sembilan tidak mempunyai CCC

KHAIRULKHEIZA MOHD NAJIB

SEREMBAN - Hanya satu daripada 63 pusat pengajian yang dikategorikan sebagai sekolah agama, sekolah tahfiz dan sekolah pondok di negeri ini mempunyai Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan.

Pengarahnya, Norazam Khamis berkata, perkara tersebut dikenal pasti melalui pemeriksaan dijalankan terhadap kesemua premis berkenaan selama dua minggu mulai 25 September lalu.

"Tiga lagi premis hanya mempunyai pelan *architectural* (seni bina) dan M&E (mekanikal dan elektrik) tapi belum dibuat pemeriksaan CCC.

"Baki selebihnya pula tidak merujuk kepada Jabatan Bomba bagi pembinaan bangunan dan penggunaan bangunan.

"Penggunaan bangunan maksudnya, mereka sewa premis



Norazam (depan empat, kiri) beramah mesra dengan peserta yang mengikuti taklimat, semalam.

seperti rumah kedai atau bangunan lain yang dijadikan sebagai pusat pengajian atau asrama," katanya.

Susulan penemuan itu, kata beliau, pihaknya mengeluarkan sebanyak 60 Notis Penghapusan Bahaya Kebakaran.

"Tujuannya supaya mereka dapat menyelenggarakan atau mengadakan sistem keselamatan kebakaran. Contohnya dari segi

pencahayaan kecemasan dan papan tanda keluar. Ini termasuk sistem pasangan keselamatan yang aktif misalnya perenjis air, gegelung hos, penggera kebakaran, pengesan asap dan kepanasan," katanya.

Menurut Norazam, semakan mereka juga mendapati hanya 25 daripada 63 premis terbabit yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan

(JHEAINS) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.

Dalam pada itu, ditanya kekangan menyebabkan berlaku situasi sedemikian selain faktor kewangan, Norazam mempunyai pandangan tersendiri.

"Kita dapati mereka tidak tahu bangunan ini kalau dijadikan pusat pengajian, kena rujuk dengan bomba. Umpamanya macam di

INFO ● Selain faktor kewangan, pengusaha tidak tahu bangunan yang mahu dijadikan pusat pengajian perlu merujuk kepada bomba

kawasan luar bandar, mereka anggap tiada keperluan dengan bomba. Maksudnya bangunan tersebut disediakan dan jumlah pelajar pun tidak ramai.

"Walaupun tidak ramai dan kadang-kadang rumah atau bangunan besar lebih kurang banglo pun ada yang dijadikan pusat pengajian, mereka beranggapan tidak berbahaya. Sebenarnya ada juga bahaya kebakaran di situ," katanya ketika ditemui pada Program Taklimat Aspek Keselamatan Kepada Pengusaha/Mudir Sekolah Tahfiz/Pondok Negeri Sembilan di Dewan Datuk Hamzah, Ibu Pejabat JBPM Negeri Sembilan, di sini, semalam.